

Kerajaan utamakan projek mampu perkasa komuniti

BERITA HARIAN 13 JUL 2025

m/s: 3

INGGIT ALAYSIA

RM 158,602,000.00

KEMENTERIAN KERJA RAYA

445 program di bawah RMK12 RP5 di Terengganu bernilai RM1.836b dilulus tahun ini

Oleh Baharom Bakar
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan Kerajaan Persekutuan akan memberi keutamaan kepada projek pembangunan yang mampu melindungi dan memperkayakan komuniti.

Bagi Terengganu, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan RM1.836 bilion untuk melaksanakan 445 projek di Terengganu di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) Rolling Plan Kelima (RP5) tahun ini.

Katanya, peruntukan itu untuk pelaksanaan pelbagai projek di Terengganu, meningkat sebanyak RM239 juta berbanding tahun lalu dengan antara projek untuk kepentingan rakyat adalah peluasan liputan internet jalur lebar di Hulu Terengganu dan Besut yang bakal memanfaatkan lebih 15,000 isi rumah.

“Kerajaan Pusat juga meluluskan RM300 juta untuk kerja naik taraf sistem agihan air yang dijangka meningkatkan bekalan air berpaip kepada 98 peratus



Anwar menyaksikan penyerahan peruntukan penyenggaraan jalan dan cerun di Jalan Persekutuan Negeri Terengganu pada Program MADANI Rakyat 2025 di Kedai Pasar Payang, semalam. Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar (kiri) dan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar (tiga dari kiri).
(Foto Ghazali Kori/BH)

menjelang akhir tahun ini.

“Tujuh projek baharu bernilai RM 78.16 juta di daerah Marang termasuk pembinaan Kolej Matriculasi dan dua bengkel kemahiran, perolehan tanah bagi Politeknik Kuala Terengganu serta menaik taraf jambatan merentasi Sungai Marang,” katanya.

Program Sejati MADANI

Berucap merasmikan majlis penutup Program MADANI Rakyat (PMR) di Pasar Kedai Payang, di sini semalam, Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan juga membelanjakan

RM30 juta sebagai inisiatif pembangunan sosial dan ekonomi melalui program Sejati MADANI.

Sehingga akhir bulan lalu, katanya, sebanyak 290 komuniti sedang melaksanakan pelbagai projek ekonomi bertujuan membantu menambah pendapatan penduduk setempat.

Beliau berkata, Kementerian Kerja Raya (KKR) juga sedang melaksanakan 441 projek kategori fizikal pembinaan dan fizikal senggaraan, termasuk menaik taraf jalan Persekutuan di seluruh Terengganu membabitkan peruntukan sebanyak

RM5.1bilion.

“KKR juga sudah melaksanakan kerja menaik taraf jalan sepanjang kira-kira 200 kilometer (km), termasuk pembesaran bahu jalan, pemasangan lampu jalan, dan penambahbaikan sistem saluran bagi mengurangkan risiko banjir kilat, membabitkan peruntukan kira-kira RM450 juta tahun lalu,” katanya.

Katanya lagi, kira-kira RM2.3 bilion diperuntukkan, terutamanya bagi melaksanakan projek tebatan banjir dan pemuliharaan muara sungai serta hakisan pantai di Terengganu.